

Aman damai di T



» Perkampungan masyarakat Orang Asli **sering dikunjungi pelancong, pengembara**

Oleh Matzidi Dris
mzidi@bh.com.my

Pulau Banding dan Hutan Royal Belum.

Lambaian kanak-kanak

Kampung Aman Damai terletak dalam hutan simpan terbesar di Semenanjung merangkumi keluasan 300,000 hektar iaitu bersamaan empat kali lebih luas dari Singapura.

Hutan berusia 130 juta tahun, lebih tua daripada Hutan Amazon di Brazil, menjadikannya hutan tertua di dunia, sekali gus menyimpan pelbagai rahsia dan misteri.

Kewujudan beberapa spesis haiwan mamalia yang besar di situ seperti gajah, badak sumbu, tapir dan harimau menjadikan ia hutan simpan yang amat istimewa sekali gus menjadi destinasi menarik untuk pelancong.

Banyak kawasan yang belum pernah diteroka manusia menjadikan ia khazanah alam semula jadi yang unik dan penting.

Penulis berpeluang menyusuri Tasik Temenggor melawat Kampung Aman Damai untuk melihat lebih dekat budaya dan kehidupan seharian Orang Asli dari

Mereka mungkin hidup agak terasing dari dunia luar yang serba moden.

Namun itu hanyalah andaian pelawat yang datang ke perkampungan mereka.

Bagi penduduk Orang Asli dari Suku Jahai yang mendiami Kampung Aman Damai, suasana persekitaran dan kehidupan memang cukup tenang sesuai dengan nama kampung mereka.

Walaupun kelihatan serba ringkas, mereka tetap senyum gembira, tenang, tidak terkejar-kejar atau dalam keadaan tegang memikirkan pelbagai masalah seperti kebanyakan penduduk yang tinggal di bandar.

Kampung Aman Damai terletak di pinggir Tasik Temenggor, di Gerik, Perak. Malahan, kampung ini tidak pernah putus daripada kunjungan pelancong atau pengembara yang bercuti sambil mengembara ke



Tasik Temenggor



suku Jahai.

Ketika bot laju menghampiri jeti di kampung itu, kelihatan beberapa kanak-kanak yang sepatutnya berada di sekolah, bermain dan berlari menuju ke arah ibu masing-masing.

Ada antara mereka melambai-lambai tangan ke arah bot yang menghampiri jeti Kampung Aman Damai.


Kebanyakannya berusia bawah empat tahun, kelihatan berhingus dan menghisap jari sambil melihat kehadiran pelancong ke kampung itu.

Disambut Tok Batin

Kebiasaannya kehadiran pelawat atau pelancong ke kampung ini akan disambut oleh ketua masyarakat di sini iaitu Tok Batin Pangwa Kaltup, 55 bersama-sama beberapa penduduk lelaki lain yang mungkin pembantunya.



Tetap gembira w
hidup di pedala



BH

7/2/16

mls 10 - mls 11

Pelawat akan dibawa masuk ke sebuah rumah yang hanya berbumbung daun rumbia atau nipah berukuran separuh gelanggang badminton. Mereka kemudian akan mempersembahkan tarian sewang oleh penduduk kampung.

Tarian Sewang diiringi bunyi hentakan buluh cetong di atas kayu beluti yang dimainkan oleh lima wanita Orang Asli. Penari akan mengulangi baris nyanyian penyanyi utama dan bergerak sambil menghentak kaki ke lantai.

Penari lain mengulangi baris nyanyian penyanyi utama dan bergerak sambil menghentak kaki. Persembahan semakin meriah dengan tepukan dan suara sorak apabila disertai oleh pelancong.

Ketika dibawa meninjau perkampungan ini, penulis terlihat sekumpulan wanita sedang berbual sesama sendiri sambil dikerumuni anak-anak.

Mereka seperti tidak ambil peduli dengan kedatangan penulis dan rakan-rakan, sebaliknya terus bersembang sambil gelak ketawa.

Ada yang cuba berpaling menyorokkan muka apabila lensa kamera ditunjukkan kepada mereka. Mungkin mereka malu.

Dalam tempoh sejam berada di perkampungan itu, penulis cuba berbual dengan mereka menggunakan bahasa yang mudah difahami.

Tidak seorang pun penduduk yang terdiri daripada 17 keluarga membabitkan

80 orang, mengeluh dengan kehidupan mereka yang jauh dari semua bentuk pembangunan.

Sentiasa tenang

Biarpun Kampung Aman Damai, serba kekurangan, termasuk tidak mempunyai bekalan elektrik dan air bersih, namun kehidupan penduduknya seperti dalam perkampungan atau taman perumahan di kawasan pinggir bandar, yang sentiasa tenang dan damai.

Difahamkan suku Jahai adalah salah satu daripada 19 kumpulan Orang Asli yang tinggal di Semenanjung. Mereka diklasifikasikan di bawah susur galur Puak Negrito (atau Semang). Mereka menggelarakan diri mereka sebagai Jah Jahai atau Orang Semang.



TARIAN SEWANG
DIIRINGI BUNYI
HENTAKAN
BULUH CETONG
DI ATAS KAYU
BELUTI YANG
DIMAINKAN
OLEH LIMA
WANITA
ORANG ASLI”





INFO

- ⊙ Tasik Temenggor adalah empangan bagi **menjana kuasa hidroelektrik**
- ⊙ Empangan ini dibina pada tahun **1970 dan siap 1974.**
- ⊙ Empangan ini **seluas 152 km** persegi dan menampung **6,050 juta** meter padu air meliputi Hutan Simpan Belum seluas 117,500 hektar.
- ⊙ Tasik Temenggor terletak **200 km dari Ipoh ke arah Gerik** menuju ke Jeli, Kelantan
- ⊙ Terletak dalam laluan **Lebuhraya Timur Barat.**
- ⊙ Di bahagian tengah tasik ini ada sebuah pulau dikenali sebagai **Pulau Banding atau Tasik Banding.**
- ⊙ Sebuah kem tentera dibina di kawasan ini bagi menjaga **keselamatan Empangan Temenggor.**

alaupun
aman



Suku Jahai, seperti semua kumpulan etnik lain Puak Negrito, secara umumnya mempunyai tubuh badan yang pendek dengan kulit gelap dan rambut lebih kerinting. Penempatan Suku Jahai adalah di tebing sungai dan tasik yang terletak di daerah Jeli, Kelantan dan Hulu Perak termasuk di pinggir Tasik Temenggor.

Lawatan ke Kampung Aman Damai **meninjau**
kehidupan Orang Asli suku Jahai
di Royal Belum, Perak.

